



Afeez Askiak

dengan *Kertas Putih*



YANTI SHAM

ALBUM *Kertas Putih* yang merupakan album sulung diterbitkan oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), bakal memberi cabaran kepada Afeez Askiak dalam mengetengahkan konsep pop komersial yang pertama diterbitkan di Kuching.

"Semua proses rakaman dijalankan di Kuching. Semua lagu dicipta oleh saya sendiri, dengan konsep pop balada dan R&B. Terdapat juga lagu yang bersemangat patriotik seperti lagu *Demimu* dan *Pewaris Jiwa*," katanya yang berkhidmat sebagai Pensyarah Muzik di Program Muzik, Teras Seni Persembahan, Fakulti Seni Gunan dan Kreatif, Unimas, sejak tahun 1994.

Ketiga ditanya mengenai harapan untuk album ini, jelas Afeez yang pernah menggarap lagunya nyanyian Ning Baizura berjudul *Untukmu*: "Penerbitan sesebuah album sering dikaitkan dengan salah satu penerbitan 'hiburan'.

"Harapan kami dengan lahirnya album ini yang diterbitkan oleh sesebuah universiti dapat memartabatkan muzik dan persepsi khalayak terhadap muzik yang bukan sahaja berbentuk hiburan tetapi penuh dengan gabungan

pelbagai ilmu, seperti komposisi, vokal, gubahan, jurutera rakaman, jurutera bunyi, penulis dan tidak termasuk bidang pengurusan yang perlu untuk pemasaran dan lain-lain.

"Kesedaran ini diharapkan dapat menyedarkan khalayak betapa pentingnya menghargai muzik dengan sokongan pembelian album yang asli. Ia juga dapat membuka mata khalayak akan peluang yang luas dalam jurusan pengajian muzik."

Menurut Afeez lagi, corak pengedaran utama adalah dari 'tangan ke tangan' dan melalui pesanan (online) atau pos dan di samping itu ia juga akan berada di pasaran Kuching selewat-lewatnya pada penghujung bulan April 2002.

Afeez berkata lagi, kepada yang berminat, boleh juga membuat pesanan dengan menghubungi Unimas di talian 082-671000, atau 019-7123032, atau emel afeezaskiak@yahoo.com

"Mereka juga melawat www.unimas.my/kertas-putih yang mana web ini akan dipertingkatkan untuk urusan pesanan secara online," katanya.

Bercerita mengenai cabaran ditempuhinya ketika berada di studio rakaman adalah untuk menge-

kalkan penciptaan sendiri yang berlainan, dengan identiti unik dan peralatan rakaman dan bunyi yang terhad, dan ia memberi cabaran hebat agar penghasilan ini menjadi lebih kreatif dan asli.

"Masalah cetak rompak amat sukar dihapuskan seratus peratus. Sumbangan album ini secara psikologi diharapkan dapat meyakinkan khalayak bahawa penerbitan album sebenarnya bukan sahaja memerlukan perbelanjaan yang besar tetapi juga perlukan curahan pelbagai ilmu, idea dan kreativiti.

"Dengan itu, khalayak akan berasa wajar untuk membeli penerbitan yang asli. Saya berdoa album ini akan membuahkan kejayaan, dan sumbangan kecil ini lebih penting daripada berpeluk tubuh dan hanya bercakap mengenai cetak rompak," kata anak jati Johor ini.

Jelas Afeez, kesemua 13 buah lagu dalam album *Kertas Putih* adalah terlalu hampir dengannya. Amat sukar baginya untuk memilih yang mana lebih bagus atau lebih istimewa. Setiap lagu ada kenangan dan cerita yang tersendiri. Namun secara peribadi, lagu *Kertas Putih*, *Demi Mu*, *Sentiasa*, *Rindu* dan *Bilakah* adalah antara yang istimewa bagi Afeez.